SULIT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JABATAN PERDAGANGAN

PEPERIKSAAN AKHIR

**SESI I : 2024/2025**

# DPB30073: BUSINESS LAW

**TARIKH : 05 DISEMBER 2024**
**MASA : 8.30 PAGI – 10.30 PAGI (2 JAM)**

Kertas ini mengandungi **SEMBILAN (9)** halaman bercetak.

Struktur (4 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Buku Akta

Contracts Act 1950, Partnership Act 1961 & Sale of Goods Act 1957

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

**INSTRUCTION:**

This section consists of **FOUR (4)** structured questions. Answer **ALL** questions.

***ARAHAN:***

*Bahagian ini mengandungi* ***EMPAT (4)*** *soalan berstruktur. Jawab* ***SEMUA*** *soalan.*

**QUESTION 1**

***SOALAN 1***

a) The law is a system of rules that a society or government develops in order to deal with crime, business agreements and social relationships.
*Undang-undang ialah sistem peraturan yang dibangunkan oleh masyarakat atau kerajaan untuk menangani jenayah, perjanjian perniagaan dan hubungan sosial.*

CLO1 (i) State **FOUR (4)** functions of law in Malaysia.
*Nyatakan* ***EMPAT (4)*** *fungsi undang-undang di Malaysia.*

[4 marks]
*[4 markah]*

CLO1 (ii) Discuss **TWO (2)** subordinate courts in Malaysia with their jurisdictions.
*Bincangkan* ***DUA (2)*** *mahkamah rendah di Malaysia beserta bidang kuasa mereka.*

[6 marks ]
*[6 markah]*

(b) In the simplest terms, a business entity is an organization created by an individual or individuals to conduct business, engage in a trade or partake in similar activities. There are three types of business entities; sole proprietorship, partnership and company.
*Secara ringkasnya, entiti perniagaan ialah organisasi yang diwujudkan oleh individu atau individu-individu untuk menjalankan perniagaan, melibatkan diri dalam perdagangan atau mengambil bahagian dalam aktiviti yang serupa. Terdapat tiga jenis entiti perniagaan; milikan tunggal, perkongsian dan syarikat.*

CLO2 (i) Explain the characteristics of sole proprietorship, partnership and company in respect of management and registration.
*Terangkan ciri-ciri milikan tunggal, perkongsian dan syarikat dari sudut pengurusan dan pendaftaran.*

[6 marks]
*[6 markah]*

CLO2 (ii) Write **THREE (3)** duties of partner in the absence of agreements in the partnership.
*Tuliskan **TIGA (3)** tugas rakan kongsi sekiranya tiada perjanjian dalam perkongsian*

[9 marks]
*[9 markah]*

**QUESTION 2**

***SOALAN 2***

CLO2

(a) A voidable contract is a formal agreement between two parties that may be rendered unenforceable for a number of legal reasons. Elaborate **FIVE (5)** grounds for a contract being voidable according to Contracts Act 1950.
*Kontrak boleh batal ialah perjanjian rasmi antara dua pihak yang mungkin tidak boleh dikuatkuasakan atas beberapa sebab undang-undang. Huraikan **LIMA (5)** alasan untuk kontrak boleh batal mengikut Akta Kontrak 1950.*

[10 marks]
*[10 markah]*

(b) Alice, a sixteen-years-old orphan worked for herself as FoodPanta bike rider, has nothing left when her inherited house was completely burnt last night. In the next morning, she entered into an agreement to buy a new bike from George, a shopkeeper, by trading her gold bracelet as part of payment before the delivery of the bike. After a day, Alice changed her mind as she found another cheaper bike on Shoppeepee and attempted to cancel the contract and asked George to return her bracelet. She believed there was no contract between them as she was under aged.
*Alice, seorang anak yatim piatu berusia enam belas tahun dan bekerja untuk dirinya sendiri sebagai penunggang basikal FoodPanta, tidak mempunyai apa-apa lagi apabila rumah pusakanya hangus sepenuhnya malam tadi. Pada keesokan paginya, dia menandatangani perjanjian untuk membeli basikal baru daripada George, seorang pekedai, dengan menjual gelang emasnya sebagai sebahagian bayaran sebelum penghantaran basikal itu. Selepas sehari, Alice mengubah fikirannya apabila dia menemui sebuah lagi basikal yang lebih murah di Shoppeepee dan cuba membatalkan kontrak dan meminta George memulangkan gelangnya. Dia percaya tiada kontrak di antara mereka kerana dia masih di bawah umur.*

CLO2 (i) Write an issue based on the situation above.
*Tuliskan isu berdasarkan situasi di atas.*

[2 marks]
*[2 markah]*

CLO2 (ii) Write the relevant provision under Contracts Act 1950.
*Tuliskan peruntukan yang berkaitan di bawah Akta Kontrak 1950.*

[3 marks]
*[3 markah]*

CLO2 (iii) Allocate **ONE (1)** relevant case to support your answer.
*Tentukan **SATU (1)** kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]
*[6 markah]*

CLO2 (iv) Write your conclusion for the issue above.
*Tuliskan kesimpulan anda terhadap isu di atas.*

[4 marks]
*[4 markah]*

## QUESTION 3

## *SOALAN 3*

CLO2 (a) An agency contract is a legally binding agreement that establishes a relationship between two parties, the principal and the agent. Describe principal and agent according to the Contracts Act 1950.

*Kontrak agensi ialah perjanjian yang mengikat secara sah yang mewujudkan hubungan antara dua pihak, prinsipal dan agen. Huraikan prinsipal dan agen mengikut Akta Kontrak 1950.*

[4 marks]

*[4 markah]*

CLO2 (b) Agency can be created in number of ways. Elaborate **THREE (3)** ways of formation of agency.

*Agensi boleh diwujudkan dalam beberapa cara. Huraikan **TIGA (3)** cara pembentukan agensi.*

[6 marks]

*[6 markah]*

c) Steven is an owner and merchandising manager of a book store. Alex, a SPM-leaver, works with Steven since November 2023 and aware of his duties if Steven was not at the store. One day, while Steven was absence, a publisher named Harry came to Alex and offered to put twenty copies of his books at the store. Harry also told Alex to take RM10 for each book that he managed to sell as commission. A month after, Steven noticed the changes in the book list and the store's cash flow. He discovered that Alex is the cause and decided to fire him immediately. Alex disagreed with the decision as he believed that he did his best for the store and wanted to sue Steven.

*Steven ialah pemilik dan pengurus barang dagangan sebuah kedai buku. Alex, seorang lepasan SPM, bekerja dengan Steven sejak November 2023 dan menyedari tugasnya jika Steven tiada di kedai. Suatu hari, semasa Steven tiada, seorang penerbit bernama Harry datang kepada Alex dan menawarkan untuk meletakkan dua puluh salinan bukunya di kedai. Harry juga menyuruh Alex*

*mengambil RM10 untuk setiap buku yang berjaya dijualnya sebagai komisen. Sebulan selepas itu, Steven melihat perubahan dalam senarai buku dan aliran tunai kedai. Dia mendapati bahawa Alex adalah punca dan memutuskan untuk memecatnya serta-merta. Alex tidak bersetuju dengan keputusan itu kerana dia percaya bahawa dia telah melakukan yang terbaik untuk kedai itu dan mahu menyaman Steven.*

CLO2 (i) Ascertain an issue based on the situation above.
*Tentukan isu berdasarkan situasi di atas.*

[2 marks]
*[2 markah]*

CLO2 (ii) Show the relevant provision under Contracts Act 1950.
*Tunjukkan peruntukan yang berkaitan di bawah Akta Kontrak 1950.*

[3 marks]
*[3 markah]*

CLO2 (iii) Apply **ONE (1)** relevant case to support your answer.
*Gunakan **SATU (1)** kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]
*[6 markah]*

CLO2 (iv) Write your conclusion of the issue above.
*Tuliskan kesimpulan anda terhadap isu di atas.*

[4 marks]
*[4 markah]*

**QUESTION 4**

***SOALAN 4***

CLO2

(a) List **FOUR (4)** classifications of goods.
*Senaraikan **EMPAT (4)** pengelasan barangan.*

[4 marks]
*[4 markah]*

CLO2

(b) Explain **THREE (3)** exceptions to the principle of *nemo dat quod non habet* with appropriate provision.
*Terangkan **TIGA (3)** pengecualian kepada prinsip nemo dat quod non habet* berdasarkan peruntukan yang bersesuaian.

[6 marks]
*[6 markah]*

CLO2

(c) Natasha sold a Kawai K-200 Professional Acoustic Upright Piano which cost RM28,000 to Sheila, an amateur pianist. After 6 months, Sheila discovered that the piano actually belonged to Taylor and it was stolen from her. Sheila then had to hand over the piano to Taylor as she is the true owner and wanted to recover the full price from Natasha. Natasha claimed that Sheila was not allowed to claim for the full amount as she had used the piano for 6 months. Advise Sheila.
*Natasha menjual Kawai K-200 Professional Acoustic Upright Piano yang berharga RM28,000 kepada Sheila, seorang pemain piano amatur. Selepas 6 bulan, Sheila mendapati bahawa piano itu sebenarnya milik Taylor dan telah dicuri daripadanya. Sheila kemudiannya terpaksa menyerahkan piano itu kepada Taylor kerana dia adalah pemilik sebenar dan mahu mendapatkan semula harga penuh yang dia bayar daripada Natasha. Natasha mendakwa Sheila tidak dibenarkan menuntut jumlah penuh kerana telah menggunakan piano selama 6 bulan. Nasihat Sheila.*

CLO2 (i) Ascertain an issue that arises in the situation.
*Tentukan satu isu terhadap situasi tersebut.*

[2 marks]
*[2 markah]*

CLO2 (ii) Provide the relevant provision under Sale of Goods Act 1957.
*Berikan peruntukan yang berkaitan di bawah Akta Jualan Barangan 1957.*

[3 marks]
*[3 markah]*

CLO2 (iii) Use **ONE (1)** relevant case to support your answer.
*Gunakan **SATU (1)** kes yang berkaitan untuk menyokong jawapan anda.*

[6 marks]
*[6 markah]*

CLO2 (iv) Write your conclusion of the issue above.
*Tuliskan kesimpulan anda terhadap isu di atas.*

[4 marks]
*[4 markah]*

**SOALAN TAMAT**